

Kerajaan cadang wujudkan Lembaga Kelapa dalam masa terdekat

# Penuhi permintaan global

Oleh ZUHAYATI YAZID

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ KUALA LUMPUR 9 OGOS

**K**EMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani sedang mempertimbangkan untuk mewujudkan Lembaga Kelapa bagi memajukan lagi industri tanaman tersebut di negara ini dalam masa terdekat bagi memenuhi permintaan pasaran global.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pada peringkat permulaan kementerian akan menubuhkan Majlis Penasihat Pertanian yang terdiri daripada ahli akademik dan penyelidik bagi mengumpul idea dan pandangan golongan tersebut tentang hala tuju penubuhan lembaga berkenaan.

“Majlis Penasihat Pertanian akan membuat kajian secara mendalam untuk meneliti perkembangan semasa industri kelapa yang semakin mapan sekali gus menyediakan platform yang terbaik untuk meningkatkan lagi pendapatan pekebun kecil.

“Mereka juga akan mengumpulkan pelbagai maklumat berkaitan industri kelapa dan



AHMAD SHABERY CHEEK diiringi oleh Syed Razlan Syed Putra Jamalullail (dua dari kiri), Zakaria Mohamad (tiga dari kiri) dan Aini Ideris (tiga dari kanan) melihat jenis kelapa sempena Seminar Kelapa Kebangsaan 2016 di UPM, Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

pembangunan tanaman itu di seluruh negara selain mencari mekanisme baharu penanaman bagi memenuhi permintaan yang semakin melonjak,” katanya selepas merasmikan Seminar Kelapa Kebangsaan 2016, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Aini Ideris dan Presiden Alumi UPM, Datuk Seri Syed Razlan

Jamalullail serta Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Ahmad Zakaria Mohamad Sidek.

Ahmad Shabery yang juga Ahli Parlimen Kemaman berkata, Malaysia kini berada di kedudukan ke-10 dunia bagi pengeluaran kelapa dengan kemampuan menghasilkan 1.2 bilion biji kelapa setahun untuk kegunaan dalam negara dan juga eksport.

Katanya lagi, melalui penubuhan majlis tersebut, pihaknya akan mencari kaedah baharu untuk meningkatkan tanaman selain mewujudkan ladang kelapa integrasi.

“Kita kini cuba mempelbagaikan jenis tanaman kelapa dan terus mencari mekanisme baharu dalam usaha menghasilkan kepelbagaian tersebut untuk tujuan eksport,” ujarnya.